

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

PERKESO henti sementara tuntutan faedah hospital terlibat isu kartel



Menteri arah perkenal SOP baharu elak kes kartel penipuan berulang

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menghentikan sementara tuntutan faedah dari sebuah hospital kerajaan di Pulau Pinang yang

terbabit dalam kartel penipuan tuntutan palsu hilang upaya sejak Jun lalu.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim, berkata bagi mengelak isu sama berulang, PERKESO diarahkan melakukan rombakan secara menyeluruh dan memperkenai prosedur operasi standard (SOP) baharu bagi proses tuntutan.

"Ketika ini, siasatan dan Operasi Tunjang yang dijalankan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) masih diteruskan. Dalam tempoh ini, PERKESO diminta mengambil langkah berhati-hati dan cermat dalam menguruskan isu tuntutan.

"Satu rombakan sepenuhnya telah diarahkan dan sedang dalam proses untuk dibuat satu SOP baharu," katanya di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed dan Setiausaha Politik Menteri Sumber Manusia, Dr Kelvin Yii.

Kementerian tak kompromi

Mengulas lanjut siasatan yang dijalankan SPRM, Sim berkata, setakat semalam, sebuah hospital di Pulau Pinang dikesan terbabit dalam rangkaian kartel penipuan itu.

"Kita hentikan tuntutan

daripada hospital terbabit. Namun, (pencarum) masih boleh membuat tuntutan di tempat lain.

"Pada masa sama, pembongkaran kewujudan rangkaian kartel dimulakan PERKESO melalui siasatan dalaman Bahagian AntiFraud, Etkka dan Integriti bermula tahun ini akan diteruskan dengan kerjasama SPRM dan Kementerian Kesihatan (KKM)," katanya.

Tegasnya, kementerian tidak akan berkompromi dan akan terus memerangi kartel terbabit, mengambil kira peruntukan faedah yang disediakan untuk disalurkan kepada pencarum dan waris yang layak.

Media semalam melaporkan SPRM menahan lebih 30 individu susulan siasatan berhubung kegiatan kartel yang dikatakan terbabit pemalsuan tuntutan hilang upaya PERKESO di Pulau Pinang.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki dipetik berkata selain tiga doktor dari dua hospital di Seberang Jaya dan Bukit Mertajam, baki yang ditahan turut membabitkan 19 pencarum PERKESO.

Beliau berkata, turut ditahan untuk siasatan berhubung kes sama adalah lapan ejen, pegawai perubatan dan dua runner melalui siri serbuan dijalankan SPRM baru-baru ini.

Risikan PERKESO dedah isu kartel

Kuala Lumpur: Risikan dan siasatan dalaman oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) membongkar kewujudan kartel tuntutan palsu faedah Hilang Upaya Kekal (HUK) dengan memperlak sebagai menyediakan habuan kepada pencarum.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed, ketika mendedahkan perkara itu berkata rangkaian kartel yang dipercayai membabitkan pengamal perubatan, ejen atau orang tengah dan orang berinsurans berjaya ditumpaskan, hasil siasatan Bahagian Anti Fraud, Etkka dan Integriti (AFED) PERKESO.

"Modus operandi yang dilakukan mereka melibatkan kes tanpa pihak ketiga seperti terlanggar lubang atau anjing dan jatuh tergelincir yang menyukarkan pengesahan terdapat elemen penipuan.

"Namun, jika kes berkait dengan pihak ketiga, maklumat boleh digunakan untuk mengelak pastu penipuan.

Berikutan itu, PERKESO akan menambah baik proses tuntutan faedah hilang upaya secara menyeluruh bagi mem-

bendung kegiatan kartel penipuan yang dikesan beroperasi sejak beberapa tahun lalu.

"Satu daripada tumpuan agensi itu adalah meningkatkan pemantauan berkaitan laporan palsu yang dikeluarkan kakitangan profesional.

"Kita sedia maklum proses tuntutan PERKESO agak kompleks, membabitkan banyak pihak termasuk pegawai profesional seperti doktor yang menyediakan laporan perubatan dan mungkin akan babitkan pegawai PERKESO.

"Antaranya kita akan tingkatan dari segi maklumat yang diterima daripada doktor swasta. Contohnya, dalam kes ini, doktor swasta terbabit dengan mewujudkan satu laporan palsu.

"Di samping itu, (pemantauan turut dibuat) membabitkan Jemaah Doktor yang dilantik dalam kalangan panel Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), ini kerana mereka terbabit dalam kartel ini untuk bantu tuntutan palsu," katanya pada sidang media khas di Menara PERKESO, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Sumber Manusia, Steven Sim dan Setiausaha Politikanya, Dr



Dr Mohammed Azman Aziz bersama Steven Sim (tengah) dan Kelvin Yii pada sidang media khas di Menara PERKESO, semalam.

Kelvin Yii.

Semalam, seramai lebih 30 individu, termasuk tiga pengamal perubatan direman bagi membantu siasatan selepas dipercayai terbabit dengan kartel pemalsuan tuntutan hilang upaya PERKESO sehingga kini berjumlah lebih RM2 juta.

Perintah reman terhadap tiga doktor itu dikeluarkan selama dua hari bermula semalam oleh Majistret Nadratin Naim Mohd Saidi selepas menerima permohonan daripada

pegawai penyiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Dr Mohammed Azman mendedahkan modus operandi tuntutan palsu yang dibuat doktor adalah seperti tangan atau kaki patah.

"Namun, apabila kita buat siasatan dalaman dan pergi ke hospital, x-ray menunjukkan tak ada yang patah.

"Sedangkan laporan perubatan dikatakan patah dan diberi cuti sakit hingga 90 hari. Proses

ini antara dikesan PERKESO," katanya.

Tambahnya, PERKESO akan meneruskan siasatan secara menyeluruh dan akan bekerjasama dengan SPRM dan Kementerian Kesihatan (KKM) bagi memerangi kegiatan kartel terbabit.

"Kita tidak akan berhenti di sini, siasatan akan diteruskan. Mungkin ada lagi kes tuntutan (palsu) yang akan dikenal pasti.

"Tindakan susulan akan diambil menerusi kerjasama melalui Ops Tunjang," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

BH Khamis, 5 September 2024

Nasional

SPRM akan tahan seorang lagi doktor masa terdekat

Pekerja swasta, ejen antara 33 individu direman bantu siasatan

Oleh Mohd Ishandar Ibrahim, Fahmy A Rosli dan Zubainy Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

Georgetown: Tiga orang doktor direman dan seorang lagi dikenali pasti terabit dalam pemalsuan tuntutan hilang upaya Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) berjumlah RM2.1 juta sejak 2017.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki, berkata pegawai penyiasat semalam mengenal pasti seorang lagi doktor disyaki terabit siasatan pemalsuan berkenaan dan akan menahan pegawai perubatan itu.

"Seramai empat doktor bertugas di hospital kerajaan dan swasta sudah dikenal pasti dan tiga daripadanya antara 32 individu yang ditahan semalam (kehnarin).

"Doktor keempat ini, kita jangka ditahan dalam tempoh terdekat," katanya, semalam.

Pagi semalam, seramai 33 individu, termasuk dua doktor hospital kerajaan dan seorang doktor swasta direman bagi membantu siasatan kes itu.

Perintah reman terhadap tiga doktor itu dikeluarkan selama dua hari oleh Majistret Nadratun

Naim Mohd Saidi bermula semalam, selepas permohonan daripada pegawai penyiasat SPRM.

Tempoh reman terhadap 29 orang awam yang terdiri daripada pekerja swasta, ejen dan 'runner' pula dibenarkan selama tiga hari sehingga esok, manakala reman terhadap isteri kepada seorang ejen dibenarkan selama sehari (semalam).

Mereka direman bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda minimum lima kali nilai butir palsu itu atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Semua suspek berusia 26 hingga 60 tahun dibawa ke Kompleks Mahkamah Georgetown, di sini pagi semalam dengan pakaian lokap SPRM.

Menurut sumber, tiga doktor berusia 36 hingga 57 tahun itu masing-masing bertugas di Bahagian Ortopedik Hospital Bukit Mertajam, Hospital Seberang Jaya serta sebuah hospital swasta di Butterworth.

Katanya, baki tangkapan lain yang terdiri daripada 19 pekerja swasta, pemohon tuntutan, lapan ejen dan tiga 'runner'.

"Semua suspek ini ditahan dalam satu operasi bermula jam 5 pagi hingga 9 malam semalam (kehnarin), di negeri ini.

"Hasil siasatan mendapati kartel ini aktif dalam kegiatan itu sejak 2017 sehingga tahun ini dengan nilai tuntutan palsu berjumlah RM2.1 juta.

"Kebanyakan mereka membuat tuntutan palsu atas alasan kecederaan 'Ligamen Anterior



Tiga doktor kanan dibawa keluar dari Kompleks Mahkamah Georgetown, semalam.

(Foto Mikail Ong/BH)

Cruciate' (ACL) dan mengalami masalah tulang rawan tergelincir (slip disc)," katanya.

Menurut sumber, pemohon akan menerima 50 peratus daripada jumlah tuntutan, manakala baki 50 peratus dibahagi antara doktor, ejen serta runner.

(KKM sedia beri kerjasama)

Sementara itu, di Kuala Lumpur Kementerian Kesihatan (KKM) akan memberikan kerja-

sama penuh kepada SPRM berhubung penahanan tiga doktor awam yang bertugas di dua hospital di Pulau Pinang.

Dalam satu kenyataan semalam, Kementerian itu menegaskan pihaknya tidak akan sesekali bertolak ansur dengan sebarang unsur penyelewengan kuasa oleh kakitangannya.

"KKM tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan perkhid-

3 doktor ditahan kes pemalsuan tuntutan PERKESO



Keratan akhbar BH, semalam.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : MUKA SEPULUH

MukaSepuluh

E-mel: hbrencana@bh.com.my

BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

Khamis, 5 September 2024 BH

Reformasi sistem kesihatan bantu golongan sukar dapat rawatan

• Kekurangan fasiliti kanser khususnya buat kanak-kanak bukanlah satu rahsia, malah perkara ini sendiri pernah diakui Kementerian Kesihatan sebelum ini

• Dalam pada negara melaungkan slogan Malaysia MADANI, iaitu konsep berteraskan keharmonian masyarakat majmuk, pembangunan mampan dan tadbir urus baik, isu seperti ini perlu ditekankan



Wartawan BH

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Hampir menitis air mata penulis ketika menemu bual salah seorang ibu kepada pesakit kanser kanak-kanak terpaksa menempuh perjalanan sehingga lebih 300 kilometer (km) semata-mata demi mendapatkan rawatan buat anaknya menghidap leukimia dengan menaiki pengangkutan awam.

Proses mendapatkan bahan artikel ini tidak mudah, malah usaha bertujuan membantu keluarga pesakit kanser kanak-kanak ini melalui paparan berita, bermula sejak Mac lalu.

Bukan mudah untuk mendekati golongan ini, bagi memujuk mereka meluahkan segala kesukaran dialami sepanjang berdepan ujian terbitat.

Ketika menemui bual ibu tunggal itu di sebuah stesen bas di Lembah Klang, timbul rasa sebak melihat anak kecil bersama ibunya terpaksa menunggu selama beberapa jam untuk menaiki bas bersama sekurang-kurangnya empat beg pakaian.

Ia sekali gus membuatkan penulis terfikir; sedangkan mereka mempunyai kenderaan sendiri pun rasa renyah untuk menempuh perjalanan sejauh itu setiap bulan, apatah lagi golongan kurang berkemampuan tidak mempunyai kereta.

Namun, demi melihat cahaya mata disayangnya sembuh, sekali gus dapat menikmati kehidupan seperti kanak-kanak lain, pengorbanan itu sanggup dilakukan seorang ibu.

Ketika temu bual dibuat, ibu itu mengakui apa sahaja tidak dilaluinya, rasa lelah, letih malah kekangan kewangan segala-galanya ditempuh beliau dengan sabar demi memastikan anaknya mendapat rawatan lengkap di fasiliti kesihatan di Lembah Klang.

Sebenarnya, kesusahan ditempuh wanita ini, malah ibu bapa B40 atau miskin diuji dengan anak menghidap kanser mungkin boleh diringankan jika semua pihak memainkan peranan.

Kementerian Kesihatan (KKM) sudah melakukan usaha terbaik dengan menyediakan rawatan secara percuma kepada pesakit, walaupun umum mengetahui harga ubat-ubatan bagi penyakit kanser bukanlah murah.

Namun, yang menjadi persoalan kini, apakah tiada pihak lain boleh sama-sama memainkan peranan untuk membantu golongan kurang berkemampuan ini.

Kesusahan ini boleh diringankan jika pihak berkaitan antaranya Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), ahli Parlimen malah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di setiap kawasan sama-sama membantu mereka.

Kita faham kekangan KKM untuk menyediakan kemudahan pusat rawatan kanser kanak-kanak di setiap negeri.

Malah, Pakar Perunding Kanan Onkologi dan Ketua Jabatan Radioterapi dan Onkologi Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Prof Datuk Dr Fuad Ismail, ketika ditemu bual sebelum ini turut menyatakan negara maju seperti di United Kingdom (UK) sekalipun, tiada pusat rawatan kanser kanak-kanak di setiap tempat kecuali antaranya di London dan Manchester.

Namun, beliau mencadangkan kerajaan memberikan elaun sokongan untuk mana-mana keluarga pesakit terpaksa mendapatkan rawatan di hospital jauh dari tempat tinggal mereka.

Katanya, langkah itu disifatkan lebih praktikal berbanding melaksanakan inisiatif pakar lawatan ke hospital tidak mempunyai pusat rawatan kanser kanak-kanak di negara ini.

"Ini kerana rawatan bagi kes kanser dalam kalangan kanak-kanak adalah jauh lebih rumit dan memerlukan penjagaan rapi," katanya.

KKM akui kekurangan kemudahan rawatan

Kekurangan fasiliti kanser khususnya buat kanak-kanak bukanlah satu rahsia, malah perkara ini sendiri pernah diakui KKM sebelum ini.

Penulis ada terbaca kenyataan dibuat bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin pada Februari 2022 di sebuah portal berita yang menga-

kui wujudnya kekurangan akses kepada rawatan kanser untuk masyarakat dengan pendapatan rendah dan mereka tinggal di kawasan pedalaman, ketika berlakunya peningkatan kes kanser di negara ini.

Beliau mengakui negara memerlukan pembaharuan dalam sistem penjagaan kesihatan, termasuk dalam aspek pembiayaan pada saat peningkatan penyakit tidak berjangkit (NCD), termasuk kanser.

Tidak terhenti setakat itu sahaja, pada Februari lalu, KKM sekali lagi menyatakan akan memperluaskan dan menambah baik fasiliti kemudahan kesihatan sedia ada dalam usaha memberikan rawatan terbaik kepada pesakit kanser, khususnya kanak-kanak.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni, ketika itu dilaporkan berkata, kanser adalah penyakit semakin meningkat di negara ini, terutama membabitkan golongan kanak-kanak dan lebih 700 kanak-kanak berusia di bawah 15 tahun didiagnosis dengan penyakit itu setiap tahun atau secara puratanya dua kanak-kanak setiap hari.

Dalam aspek kanser secara keseluruhannya, tahun lalu, Persatuan Onkologi Malaysia melalui laporan di sebuah akhbar turut menyatakan Malaysia memerlukan lebih banyak pakar kanser atau onkologi susulan peningkatan lebih 50 peratus pesakit dan kadar kematian disebabkan penyakit itu dari 2012 hingga 2022.

Menurut persatuan itu, daripada 80 onkologi berkhidmat pada 2015, bilangan terbitat hanya meningkat kepada 130 pada tahun ini sedangkan Malaysia memerlukan sekurang-kurangnya 300 onkologi berdasarkan kes kanser dilaporkan.

Dengan semua 'pengakuan' dibuat KKM sebelum ini, tindakan lebih komprehensif diperlukan dalam memastikan pesakit kanser tidak berasa putus asa untuk mendapatkan rawatan kerana kekangan akses dan jarak.

Jika kenderaan menjadi kekangan utama bagi ibu bapa membawa anak mereka mendapatkan rawatan, tidak bolehkah pihak bertanggungjawab dalam aspek kebajikan masyarakat menyediakan pengangkutan secara percuma?

Dalam pada negara melaungkan slogan Malaysia MADANI, iaitu konsep berteraskan keharmonian masyarakat majmuk, pembangunan mampan dan tadbir urus baik, isu seperti ini perlu ditekankan.

Apatah lagi sepanjang pentadbiran Kerajaan Perpaduan sejak dua tahun lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilihat sering menekankan aspek kebajikan rakyat yang menjadi keutamaannya berbanding megah dengan pembangunan bangunan pencakar langit.

Lihatlah golongan benar-benar layak memerlukan bantuan ini. Bantulah mereka dan ia menjadi tanggungjawab semua pihak berkaitan diberi amanah dalam membantu rakyat.



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : NASIONAL

BH Khamis, 5 September 2024

Nasional

17

Doktor kena buli diminta lapor di HEYPEMUDA

Aduan akan
dibawa terus
ke peringkat
tertinggi KKM

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pergerakan Pemuda UMNO meminta warga Kementerian Kesihatan (KKM) khususnya doktor yang menjadi mangsa buli ketika sedang berkhidmat di negara ini, tampil membuat aduan kepada pihaknya menerusi aplikasi HEYPEMUDA.

Ketua Pemuda UMNO, Datuk Dr Muhamad Akmal Saleh, berkata langkah itu bagi membolehkan suara mereka dibawa terus kepada peringkat tertinggi KKM.

"Kita minta, mana-mana kakitangan KKM yang dibuli dengan teruk membuat aduan terus kepada kami menerusi aplikasi terbabit.

"Jika sebelum ini aduan sudah diserahkan kepada KKM tetapi tiada tindakan diambil, maka Pemuda UMNO akan membawa isu ke peringkat lebih tinggi," katanya ke-

Doktor dibuli, dihambur kata kesat



Keratan
akhbar BH,
semalam.

pada BH, semalam.

Kongsi pengalaman

Kelmarin, beberapa doktor yang menjadi mangsa buli di sebuah hospital di Sabah, tampil berkongsi pengalaman masing-masing dibuli secara lisan dan fizikal apabila dihambur kata-kata kesat, lucuk serta penghinaan kaum, selain pernah diancam senjata tajam jika tidak mematuhi arahan ketua unit.

Malah, mereka mendakwa sering dimalukan di hadapan pesakit apabila kemahiran profesional mereka diperlekeh secara terbuka oleh doktor pakar.

Susulan itu, Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menggesa KKM menubuhkan sebuah jawatankuasa bebas bagi melaksana audit luar ter-

hadap dakwaan buli dan pelaksanaan prosedur tidak normal kepada pesakit, membabitkan seorang ketua unit dalam sebuah hospital kerajaan di Sabah.

Presiden MMA, Dr Azizan Abdul Aziz, menegaskan tindakan tuntas perlu diambil oleh Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, bagi mengelak budaya toksik itu berterusan.

Pada masa sama, Dr Muhamad Akmal turut mendesak KKM mengada-

kan sistem aduan khas membatikan doktor.

Beliau berkata, sistem itu perlu diselenggara oleh peringkat tertinggi KKM, tanpa ada saringan di peringkat lain.

Ketika di-

Muhamad Akmal Saleh



maklumkan mengenai kes buli yang berlarutan sejak hampir lima tahun lalu, Dr Muhamad Akmal tidak menolak kemungkinan ia berterusan kerana tiada siapa bertanggungjawab mengambil aduan itu di peringkat tertinggi KKM.

"Mungkin semuanya diserahkan di peringkat jabatan sahaja," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : LOKAL

KKM sedia hulur kerjasama

Putrajaya: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedia memberi kerjasama kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung siasatan terhadap tiga doktor kanan yang ditahan agensi penguat kuasa itu di Pulau Pinang, baru-baru ini.

KKM dalam kenyataan semalam memaklumkan pihaknya mengambil maklum penahanan tiga doktor kanan kerana didakwa mempunyai kaitan dengan kartel yang memalsukan tuntutan hilang upaya Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

"KKM sentiasa bersedia untuk memberikan kerjasama sepenuhnya kepada SPRM berhubung penahanan tiga doktor awam ber-

kenaan.

"Di samping itu, kementerian ini ingin menegaskan tidak akan bertolak ansur dengan sebarang elemen penyelewengan kuasa oleh warga KKM serta tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memastikan perkhidmatan kesihatan awam sentiasa berada pada tahap yang terbaik," kata kenyataan itu.

Kelmarin, Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki mengesahkan dua doktor hospital awam dan seorang doktor hospital swasta antara 32 individu yang ditahan bagi membantu siasatan berhubung kartel yang dikatakan memalsukan tuntutan hilang upaya Perkeso.

Perkeso perketat SOP tuntutan faedah

Kuala Lumpur: Pertubuhan Keselamatan Pekerja dan Sosial (Perkeso) melaksanakan langkah penambahbaikan lebih ketat ke atas prosedur operasi standard (SOP) bagi semua permohonan tuntutan faedah.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perkeso, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, langkah itu termasuk meningkatkan tahap pemantauan terutama dari aspek kelulusan Jemaah Doktor (JD) yang dianggotai pegawai perubatan Kementerian Kesihatan (KKM) bagi mengelak permohonan tuntutan palsu.

Menurutnya, pihaknya sedia maklum proses tuntutan agak kompleks membabitkan banyak pihak termasuk pegawai profesional seperti doktor yang menyediakan laporan perubatan dan juga pegawai Perkeso.

"Kita akan tingkatkan dari segi maklumat diterima daripada doktor, contoh kes (tuntutan palsu) ini, doktor swasta dan jemaah doktor terlibat dalam (membantu) membuat tuntutan palsu.

"Mungkin di peringkat (kelulusan) jemaah doktor perlu diperbaiki dan dipertingkatkan dari segi pemantauan.

"Ketiga, proses dalaman bagi Perkeso, semua kes yang sampai akan diproses (dianggap) genuine (kes be-

nar) kecuali kalau dibuktikan sebaliknya kerana kita tidak mahu lambatkan proses untuk memberi faedah kepada mereka yang mengalami bencana atau kemalangan," katanya pada sidang media khas di Menara Perkeso, di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Sumber Manusia, Steven Sim.

Mengulas modus operandi kartel tuntutan faedah palsu, Dr Mohammed Azman berkata, mereka menggunakan kes kemalangan dalam perjalanan yang tidak membabitkan pihak ketiga untuk memudahkan proses tuntutan.

"Mereka gunakan kes *commuting accident* yang tidak melibatkan pihak ketiga, contohnya kata terlanggar lubang atau anjing serta jatuh tergelincir yang tidak wujud pat-

nah.

"Kemudian doktor kata tangan (pemohon) atau kaki patah, tetapi apabila siasatan dalaman dan sinar X dilakukan, menunjukkan tiada patah dan (pemohon) diberi cuti sakit sehingga 90 hari. Ini proses antara (modus operandi kartel) dikesan Perkeso," katanya.

Justeru katanya, Perkeso akan terus bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk meneruskan siasatan dan melaksanakan Ops Tunjang bagi membanteras kegiatan berkenaan.

"Kita akan tingkatkan dari segi maklumat diterima daripada doktor"
Azman

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : LOKAL



bit semakin tinggi kerana ia berkaitan dengan ekonomi negara.

Ditanya tentang negara luar yang boleh dijadikan contoh, beliau berkata, selain Hong Kong, SPRM juga mempelajari amalan daripada negara lain antaranya Qatar yang menggunakan sistem digital sepenuhnya untuk pembayaran kompaun trafik sekali gus mengurangkan gejala rasuah.

Beliau turut mencadangkan supaya sistem perkhidmatan kerajaan diperbaiki dengan digitalisasi bagi mengelak rakyat daripada beratur panjang seperti cap jari untuk menukar hak milik.

"SPRM ditubuhkan pada 1967, jadi kita (SPRM) sudah berusia 57 tahun. Banyak negara ingin belajar daripada kita walaupun ada yang menafikan peranan SPRM dalam arena antarabangsa.

"Contohnya, delegasi Uzbekistan yang baru menubuhkan agensi antirasuah pada 2020, datang untuk libat urus dengan SPRM.

"Agensi berkaitan perlu mencari jalan untuk memudahkan urusan rakyat sebagai sebahagian daripada agenda reformasi perkhidmatan rakyat, yang akan memberikan sistem penyampaian yang lebih baik dan cepat serta mengelakkan peluang rasuah," katanya.

hingga 50-an di sekitar Lembah Klang, Pulau Pinang dan Kelantan.

Dalam perkembangan sama, Azam berkata, pihaknya menyita beberapa kenderaan mewah dipercayai milik kakitangan penguat kuasa yang disiasat.

Selain itu, beliau berkata, SPRM akan memanggil 46 anggota dan pegawai penguat kuasa agensi berkenaan untuk disoal siasat berhubung kes berkenaan dalam tempoh terdekat.

Tiga doktor dalangi tuntutan palsu Perkeso direman 2 hari

Georgetown: Dua doktor hospital kerajaan dan seorang doktor swasta antara 33 individu direman bagi membantu siasatan terbabit dengan kartel pemalsuan tuntutan hilang upaya Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) berjumlah RM2.1 juta sejak 2017.

Perintah reman selama dua hari terhadap tiga doktor itu dikeluarkan Majistret Nadratun Naim Mohd Saidi bermula semalam selepas permohonan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Sementara tempoh reman terhadap 29 orang awam yang terdiri daripada pekerja swasta, ejen dan runner pula dibenarkan selama tiga hari sehingga esok (Jumaat) manakala reman terhadap isteri kepada seorang ejen dibenarkan selama sehari.

Semua direman bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda minimum lima kali nilai butir palsu itu atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, semua suspek berusia 26 hingga 60 tahun dibawa ke Kompleks Mahkamah Georgetown di sini pada jam 9 pagi semalam dengan berpakaian lokap SPRM.

Menurut sumber, tiga doktor berusia 36 hingga 57 tahun itu masing-masing bertugas di hospital kerajaan dan sebuah hospital swasta di Butterworth.



Pemohon akan menerima 50 peratus daripada jumlah tuntutan manakala baki 50 peratus dibahagi antara doktor, ejen serta runner."

Sumber

Katanya, baki tangkapan lain yang terdiri daripada 19 pekerja swasta, adalah pemohon tuntutan, lapan ejen dan tiga runner.

Menurutnya, semua suspek ditahan dalam satu operasi bermula jam 5 pagi hingga 9 malam kelmarin di sekitar negeri ini.

"Hasil siasatan mendapati kartel ini aktif dalam kegiatan itu sejak 2017 sehingga tahun ini dengan nilai tuntutan palsu berjumlah RM2.1 juta.

"Kebanyakan mereka membuat tuntutan palsu atas alasan kecederaan *Ligamen Anterior Cruciate* (ACL) dan mengalami masalah tulang rawan tergelincir (*slip disc*)," katanya.

Menurut sumber lagi, pemohon akan menerima 50 peratus daripada jumlah tuntutan manakala baki 50 peratus dibahagi antara doktor, ejen serta runner.

Kelmarin, media melaporkan Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata kebanyakan pencarum yang ditahan itu bekerja dalam sektor kilang

dan pelabuhan di negeri ini serta menjangkakan untuk membuat lebih banyak tangkapan ketika siasatan kes itu berjalan.

Azam berkata pihaknya memberi tumpuan terhadap perkara itu selepas pendedahan di Dewan Negara Julai lalu.

"Kami memandang serius perkara itu dan mula meneliti dakwaan dibuat," katanya.

Julai lalu, media melaporkan Ahli Dewan Negara, Dr R A Lingeshwaran menggesa Kementerian Sumber Manusia menjelaskan dakwaan beberapa doktor yang mengendalikan tuntutan hilang upaya Perkeso digantung, dikaitkan dengan kartel memalsukan permohonan sedemikian.

Beliau dilapor memaklumkan Dewan Negara bahawa mereka digantung sehingga diberitahu kelak selepas Perkeso mendapat tahu mengenai kegiatan itu di sebuah hospital di Pulau Pinang.

Lingeshwaran yang juga bekas Pengarah Hospital Sungai Bakap di Pulau Pinang dilaporkan berkata beliau difahamkan kartel melobi supaya doktor digantung perkhidmatannya itu kembali bertugas di hospital sama.

Beliau turut memberitahu Dewan bahawa terdapat 683 pengeluaran palsu dari 2018 hingga 2022 membabitkan kira-kira RM43 juta dengan 16 daripadanya melibatkan seorang doktor tertentu yang perkhidmatannya ditamatkan selepas aktiviti yang terbongkar.

SOP baharu tuntutan Perkeso dirangka

Kuala Lumpur: Rombakan prosedur operasi standard (SOP) bagi semua tuntutan Pertubuhan Keselamatan Pekerja dan Sosial (Perkeso) sedang dilakukan sebelum diumumkan dalam masa terdekat.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim berkata, beliau mengarahkan rombakan SOP tuntutan faedah Perkeso bagi membanteras penyelewengan dan kelompangan dalam permohonan tuntutan berkenaan.

"Perkeso melalui satu siasatan dalaman dilakukan Bahagian Anti Fraud, Etika dan Integriti (AEFI) pada tahun ini membongkar kewujudan rangkaian kartel penipuan tuntutan palsu faedah Hilang Upaya Kekal (HUK) yang beroperasi sejak beberapa tahun lalu.

"Berikutan siasatan dalaman itu, Perkeso melaporkan perkara itu kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), dan sejak 2 Julai 2024 telah bekerjasama sepenuhnya dengan SPRM menjalankan Ops Tunjang bagi menumpaskan kartel tuntutan palsu itu.

"Sehingga kini, SPRM menerusi Ops Tunjang memberkas 32 individu termasuk tiga pengamal perubatan pada 3 September 2024, dengan nilai kerugian akibat kegiatan kartel dijangka mencecah lebih RM2 juta," katanya pada sidang

media khas di Menara Perkeso, di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perkeso, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Steven berkata, Ops Tunjang akan diteruskan dengan kerjasama SPRM dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Kementerian Sumber Manusia (Kesuma) dan Perkeso tidak akan berkompromi serta bertekad untuk memerangi kegiatan kartel sedemikian secara habis-habisan kerana peruntukan faedah perlindungan sosial itu sepatutnya disalurkan kepada pencarum, selain waris keluarga yang betul-betul layak serta memerlukan.

"Perkeso juga diminta mengambil langkah berhati-hati dan cermat dalam menguruskan proses tuntutan tetapi rombakan telah diarahkan dan dalam proses buat SOP baharu.

"Kita mengambil semua tuntutan yang dihantar kerana kita tidak mahu memangsakan pencarum layak dan memerlukan tuntutan faedah ketika mereka ditimpa musibah tetapi dalam masa sama, kita harus tutup kelompangan atau isu yang boleh beri kesempatan kepada kartel atau sindiket untuk jalankan penyelewengan," katanya.

"Kita tidak mahu memangsakan pencarum layak dan memerlukan tuntutan faedah"
Steven

Doktor keempat dikenal pasti

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah mengenal pasti doktor keempat yang disyaki terbabit kes pemalsuan tuntutan hilang upaya Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya dijangka menahan pegawai perubatan itu dalam tempoh terdekat.

"Empat doktor bertugas di hospital kerajaan dan swasta sudah dikenal pasti dan tiga daripadanya antara 32 individu yang ditahan semalam (kelmarin).

"Doktor keempat ini,

kita jangka ditahan oleh pegawai kita dalam tempoh terdekat," katanya pada wawancara bersama media, di sini, semalam.

Kelmarin, Harian Metro melaporkan, SPRM menahan keseluruhan 32 individu, termasuk tiga doktor kanan, susulan siasatan berhubung kegiatan kartel yang dikatakan terbabit pemalsuan tuntutan hilang upaya Perkeso di Pulau Pinang.

Selain tiga doktor dari dua hospital di Seberang Jaya dan Bukit Mertajam, baki yang ditahan turut membabitkan 19 pencarum Perkeso.

Turut ditahan untuk

siasatan berhubung kes sama adalah lapan ejen, pegawai perubatan dan dua 'runner' melalui siri serbuan dijalankan SPRM baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Azam berkata, siasatan pihaknya setakat ini mendapati, terdapat 19 tuntutan sudah dikemukakan sindiket berkenaan.

Bagaimanapun, beliau tidak mendedahkan jumlah tuntutan terbabit.

"Kes ini bukan sekadar mengenal kita mendapatkan semula wang daripada jumlah tuntutan itu, sebaliknya kita tidak mahu wang kerajaan ini dicuri begitu sahaja," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : LOKAL



Kita antara **terbaik** di dunia

Dr Noor Hisham impi Malaysia muncul hab antarabangsa lokasi latihan lahir pakar perubatan

Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediapri-
ma.com.my

Port Dickson

"Erti merdeka adalah kebebasan menentukan hala tuju negara dan yang penting menggunakan acuan sendiri," kata mantan Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berharap Malaysia dapat mencapai pembangunan yang selaras dengan perkembangan terkini global dan tidak ketinggalan dalam semua sudut.

Katanya, ia termasuk dalam sektor kesihatan di mana beliau mahu melihat perkembangan perubatan Malaysia melonjak hingga ke tahap dunia.

"Daripada segi perubatan pun kita boleh melaksanakan tugas sebaik mungkin dengan acuan sendiri menggunakan kaedah-kaedah tempatan untuk majukan negara bersama.

"Jika kita lihat perkembangan Malaysia sejak tarikh keramat 31 Ogos 1957 mencapai kemerdekaan, dari segi perubatan memang nampak hala tuju semakin baik malah sistem kesihatan kita diperakui antara yang terbaik di dunia.

"Jadi sudah ada tapak kukuh," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Hospital UCSI, Bandar Springhill, di sini, baru-baru ini.

Pakar pembedahan dalam bidang payudara, endokrin dan am itu berkata, beliau mempunyai impian mahu melihat Malaysia muncul sebagai hab antarabangsa khususnya di peringkat serantau untuk lokasi latihan melahirkan pakar perubatan.

Beliau yang bertindak cemerlang sebagai 'jeneral' pasukan perubatan sewaktu negara dilanda pandemik Covid-19 berkata, Malaysia boleh menjadi hab untuk melatih pakar kesihatan di rantau ini.

"Kita sudah mula ada menerima pelajar-pelajar



SEJAK merdeka hala tuju sektor perubatan kita semakin baik malah sistem kesihatan diperakui antara yang terbaik di dunia.

perubatan dari luar negara. Malah institusi perubatan luar negara pun sudah ada bertapak dalam negara kita.

"Ini adalah perkembangan baik. Bererti hala tuju kita berada di landasan yang tepat.

"Kita melihat kepada perkhidmatan yang terbaik dan outcome yang baik serta juga dengan kos yang berpatutan.

"Inilah nilai tambah yang kita adakan supaya kita da-

pat perkembangan lagi perkhidmatan sistem kesihatan negara dan juga perubatan.

"Sentiasa perlu bergerak ke hadapan untuk menambah baik cara kita laksanakan dan menguruskan perkhidmatan perubatan.

"Apa-apa pun, saya bangga sebagai anak Malaysia kerana kita dapat membuktikan kepada negara luar yang kita berkemampuan untuk meningkatkan lagi usaha dan pencapaian kita

dari sistem kesihatan," katanya yang kini menggalas jawatan sebagai Pengerusi Kumpulan Kesihatan UCSI dan Profesor Adjung di Universiti UCSI.

Dr Noor Hisham bersara sebagai Ketua Pengarah Kesihatan pada April tahun lalu selepas 35 tahun berada dalam perkhidmatan awam dan meneri-

ma pelbagai anugerah atas sumbangannya dalam penjagaan kesihatan awam serta kepimpinannya semasa wabak Covid-19.

Katanya, pengiktirafan luar negara terbukti jelas dengan peluang diberikan kepada pakar Malaysia berkongsi pengalaman dan kepakaran

kepada dunia termasuk dirinya yang pernah memberikan syarahan perdana di Kongres Pembedahan Sedunia (WCS) di Krakow, Poland pada 2019.

Katanya, tahun ini kongres itu diadakan di Kuala Lumpur bermula 25 hingga 29 Ogos lalu dengan kehadiran lebih 1,500 pakar seluruh dunia.

"Ia menunjukkan kita berkeupayaan dan diyakini dunia selain pencapaian perkhidmatan kesihatan Malaysia diiktiraf sehingga negara luar boleh mencontohi atau belajar daripada kita," katanya.

"Saya bangga sebagai anak Malaysia kerana kita dapat membuktikan kepada negara luar yang kita berkemampuan untuk meningkatkan lagi usaha dan pencapaian kita dari sistem kesihatan"

Mantan Ketua Pengarah Kesihatan,
Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah



AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : LOKAL

JKN Pahang terima 45 ambulans baharu

Kuantan: Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pahang menerima sebanyak 45 ambulans baharu daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi menaik taraf kemudahan perkhidmatan kesihatan kepada pesakit di negeri itu.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, penerimaan ambulans itu adalah secara berperingkat dengan permulaan sebanyak lapan unit jenis A bernilai RM3.64 juta dibekalkan kepada beberapa hospital di negeri ini pada 21 Ogos lalu.

Beliau berkata, bakinya

sebanyak 37 ambulans jenis B yang turut dilengkapi dengan peralatan perubatan akan dibahagikan kepada dua fasa iaitu pada November depan dan Julai tahun depan.

"Saya dimaklumkan peralatan yang ada di ambulans *Type A* adalah sangat canggih dan bagi pihak kerajaan negeri, saya ucapkan terima kasih kepada KKM atas pemberian ini. Ini jelas menunjukkan betapa komited kerajaan yang ada pada hari ini untuk memberikan kemudahan dan keselesaan demi kesejahteraan rakyat," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

KOMPLOT DOKTOR PAKAR TULANG

Dalangi kartel tipu tuntutan PERKESO



Seramai 33 individu dibawa menggunakan lima buah kenderaan SPRM ke Mahkamah Majistret George Town pada Rabu.

- Tiga doktor pakar tulang hospital kerajaan dan swasta di Pulau Pinang adalah antara 33 individu direman bagi membantu siasatan kes pemalsuan tuntutan hilang upaya Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sejak 2017.
- SPRM masih giat memburu seorang lagi doktor berkait kes di Pulau Pinang berkenaan dan memberi amaran akan meluaskan siasatan ke negeri-negeri lain.
- KKM memaklumkan sedia memberi kerjasama penuh kepada SPRM, manakala Menteri Sumber Manusia, Steven Sim telah mengarahkan PERKESO merombak serta-merta prosedur tuntutan hilang upaya.

MUKA 2 & 3

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

2

NASIONAL

SINAR HARIAN • KHAMIS 5 SEPTEMBER 2024

TELUS & TULUS
Sinar
Harian

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Oleh SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI, MUHAMMAD AFHAM RAMLI, HISYAMUDDIN AYUB dan DIANA AZIS

Kartel tipu tuntutan PERKESO

33 termasuk 3 doktor pakar tulang direman di Pulau Pinang

GEORGE TOWN

Tiga doktor pakar tulang bersama 30 individu direman antara sehari hingga tiga hari bagi membantu siasatan berhubung kes memalsukan tuntutan hilang upaya Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) melibatkan jumlah RM2.1 juta.

Perintah reman itu dikeluarkan Majistret Nadratun Naim Mohd Saidi di Mahkamah Majistret di sini pada Rabu.

Kesemua mereka yang berpakaian lokap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tiba di Kompleks Mahkamah George Town pada jam 9 pagi.

Menurut sumber SPRM, selain tiga doktor tersebut, mereka yang direman adalah 19 pemohon tuntutan, lapan ejen dan tiga runner berusia dalam lingkungan 26 hingga 60 tahun.

"Doktor yang terlibat merupa-

kan doktor pakar tulang dari dua hospital kerajaan dan sebuah hospital swasta di Seberang Jaya. Kesemua doktor berkenaan berusia 36, 50 dan 57 tahun.

"Kesemua 33 orang yang direman ditangkap dalam operasi yang dijalankan bermula jam 5 pagi hingga 9 malam, Selasa.

"Mereka kemudiannya ditahan selepas diambil keterangan di Pejabat SPRM Pulau Pinang," katanya ketika ditemui di sini pada Rabu.

Menurut sumber itu lagi, modus operandi kartel tersebut adalah dengan membuat tuntutan palsu melibatkan kecederaan pada bahagian tulang belakang dan ligamen krusiat anterior (ACL).

